



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH PASANGAN INTIM LELAKI KE ATAS PENGGUNAAN  
AWAL DADAH DALAM KALANGAN PENAGIH WANITA  
DI PUSAT SERENTI BACHOK, KELANTAN**

**SITI MUHAZA BT SHEIKH ZAINAL**

**FEM 2006 6**



**PENGARUH PASANGAN INTIM LELAKI KE ATAS PENGGUNAAN AWAL  
DADAH DALAM KALANGAN PENAGIH WANITA  
DI PUSAT SERENTI BACHOK, KELANTAN**

**Oleh**

**SITI MUHAZA BT SHEIKH ZAINAL**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**Ogos 2006**



**Dedikasi:**

*Ayahanda Sheikh Zainal b. Mansor dan Bonda Hajjah Hafsa bt Othman  
serta  
Nenda Sheikh Mansor b. Ahmad dan Hajjah Hasnah bt Ariffin*



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH PASANGAN INTIM LELAKI KE ATAS PENGGUNAAN AWAL  
DADAH DALAM KALANGAN PENAGIH WANITA  
DI PUSAT SERENTI BACHOK, KELANTAN**

Oleh

**SITI MUHAZA BT. SHEIKH ZAINAL**

**Ogos 2006**

**Pengerusi: Nobaya bt. Ahmad, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Hasil kerja penyelidikan tempatan terdahulu tidak menyelidik secara mendalam berkaitan faktor-faktor yang didapati telah menyebabkan wanita menjadi penagih dadah. Ini menjadikan masalah wanita dan dadah di negara ini kurang difahami serta seperti dikesampingkan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penagih dadah wanita yang telah terdorong untuk mencuba dadah, disebabkan oleh pasangan lelaki intim mereka. Di dalam kebanyakan kes, wanita yang berpersonaliti submisif menjadi penagih dadah kerana peranan yang dimainkan oleh pasangan lelaki mereka. Persoalannya siapakah wanita ini, apakah ciri-ciri pasangan lelaki mereka dan adakah terdapat faktor lain yang berhubung kait dengan hubungan intim tersebut yang telah menyebabkan wanita ini mencuba dadah buat pertama kali.

Bab awal bermula dengan penerangan berkaitan bentuk penyelidikan. Ia diikuti dengan persembahan rangka kerja konseptual serta teori-teori yang berkaitan. Data dikumpul daripada responden berdasarkan ingatan semula, dengan memberi tumpuan kepada aspek personaliti di dalam kedua-dua keadaan umum dan apabila wanita ini berhadapan dengan



pasangan lelaki mereka. Terdapat sejumlah 48 responden yang memenuhi kriteria sampel kajian. Ujian Personaliti menggunakan Skala Tret Dominan-Submisif dan Skala Kuasa di dalam Hubungan Seksual dibuat ke atas responden ini. Seramai enam orang responden dipilih untuk menjalani temubual intensif bagi mendapatkan penjelasan lebih mendalam berkaitan personaliti serta hubungan intim mereka.

Faktor ‘seorang penagih dadah’ dikenal pasti sebagai antara ciri yang jelas terdapat pada pasangan lelaki. Ia menunjukkan terdapat kaitan di antara tingkah laku awal penggunaan dadah dalam kalangan responden dengan pasangan lelaki mereka sama ada terdapat atau tidak tawaran dadah dilakukan oleh lelaki tersebut. Terdapat juga proses lain yang berlaku ke atas hubungan intim wanita ini yang mendorong mereka untuk mencuba dadah. Satu kajian silang analisa juga dilaksanakan di antara hasil kajian kuantitatif dengan kualitatif untuk tujuan mengukuhkan hasil dapatan kajian. Keputusan kajian menunjukkan bahawa wanita yang berpersonaliti dominan pada umumnya menjadi submisif apabila berhadapan dengan pasangan lelaki yang mempunyai hubungan intim dengan mereka. Kajian juga mencadangkan bahawa wanita boleh terpengaruh untuk mencuba dadah juga sekiranya pasangan lelaki mereka merupakan penagih dadah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**INFLUENCE OF INTIMATE MALE PARTNER ON THE DRUG INITIATION AMONG WOMEN ADDICTS IN THE BACHOK DRUG REHABILITATION CENTRE, KELANTAN**

By

**SITI MUHAZA BT. SHEIKH ZAINAL**

**August 2006**

**Chairman: Nobaya bt. Ahmad, PhD**

**Faculty: Human Ecology**

Works done by previous local researchers do not investigate thoroughly factors that have caused women to become drug addicts. This left the problem of women and drug in Malaysia less understood and seemingly neglected. This research attempts to study women drug addicts that had been influenced to be involved into drug initiation, by their intimate male partners. In most cases, women of submissive personality become drug addicts due to the role played by their male partners. The questions are who are these women, what are the characteristics of their male partners, and are there any other factors related to the intimate relationships that caused these women to decide to try drugs for the first time.

The chapter begins with an overview of the research design. It is followed with conceptual framework of the research and related theories applied are presented. Data are collected from the respondents on a retrospective basis, focusing on the personality aspect, both in general and during when the women encounters with their intimate male



partners. There are a total of 48 respondents that fulfilled the criteria of the study sample. Personality tests using Trait Dominance-Submissiveness Scale and Sexual Relationship Power Scale were administered to the respondents. Six respondents were chosen to undergo intensive interview in order to obtain in-depth details regarding their personality and intimate relationship.

A factor 'being an addict' was found to be among the outstanding characters of the male partner. It shows a relationship of the respondents' drug initiation behavior with their male partners regardless of whether or not there were offers of drugs made by the men. There is also an involvement of other processes with the women's intimate relationships that lead them to decide to try drugs. A cross analysis study is also done between the result found from the quantitative and qualitative analysis to strengthen findings. Results of this study showed that dominant women by general personality become submissive when dealing with their intimate male partners. The study also suggests that having an addict as an intimate male partner may influence a woman to start using drug too.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Hasil penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan bimbingan banyak pihak. Ucapan ribuan terima kasih dipanjangkan kepada Dr. Nobaya bt. Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis ini, Dr. Ma'rof b. Redzuan serta Puan Hanisah bt. Yaacob kerana ilmu, bimbingan serta panduan yang telah diberikan. Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan kerana telah memberi laluan kepada saya untuk menggunakan kemudahan yang ada di Jabatan untuk tujuan penyediaan tesis ini. Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada Puan Suhaini Ismail, Puan Suriani Mustapha serta anak buah yang telah banyak membantu dari segi kerjasama dan sokongan persahabatan. Khusus untuk suami, Abu Bakar b. Hj. Jambol, di atas kesabaran, sokongan moral serta bantuan teknikal yang dihulurkan, terima kasih paling istimewa yang tidak terhingga diucapkan. Khas untuk anak-anak, Siti Mumtazah, Abdul Hakim, Siti Mahfudzah, Abdul Jabbar serta Abdul Latif, terima kasih kerana memahami tanggungjawab Mama. Akhir sekali, kepada semua yang terlibat secara tidak langsung di dalam menyokong pembikinan tesis ini terima kasih sekalung budi.





Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Siti Muhaza bt. Sheikh Zainal telah mengadakan peperiksaan akhir pada 18 Ogos 2006 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pengaruh Pasangan Intim Lelaki ke atas Penggunaan Awal Dadah Dalam Kalangan Penagih Wanita Di Pusat Serenti Bachok, Kelantan” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia, (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mariani Mansor, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Maznah bt. Baba, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zahid bin Embi, PhD**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abd. Hadi bin Zakaria, PhD**

Profesor  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor/Timbangan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 NOVEMBER 2006



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nobaya Ahmad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ma'rof Redzuan, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Hanisah Yaacob**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**  
Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 DISEMBER 2006



## **PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di UPM atau di institusi-institusi lain.

---

**SITI MUHAZA BT SHEIKH ZAINAL**

Tarikh: 11 NOVEMBER 2006



## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI CARTA</b>	xvi

1	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	2
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Soalan Penyelidikan	11
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Kepentingan Kajian	13
	1.6 Skop Kajian	16
	1.7 Limitasi Kajian	21
	1.8 Definisi Konsep dan Operasional	22
2	<b>PENDEKATAN TEORI DAN SOROTAN LITERATUR</b>	32
	2.1 Teori-Teori Berkaitan Daya Tarikan Awal Hubungan	32
	2.2 Teori-Teori Awal Hubungan Interpersonal	33
	2.3 Teori Interaksi Interpersonal Oleh Carson	34
	2.4 Teori Hubungan Cinta Oleh Adler	39
	2.5 Teori Feminis Tentang Lelaki Sebagai Dominan	44
	2.6 Ulasan Teori	47
	2.7 Definisi Hubungan Interpersonal/Intim	56
	2.8 Hubungan Interpersonal dan Sub Faktornya	65
	2.9 Personaliti Wanita Dalam Hubungan Intimnya	71
	2.10 Pengaruh Hubungan Intim Terhadap Penggunaan Awal Dadah Di Kalangan Wanita	84
	2.11 Penawaran Dadah Ke Atas Wanita	89
	2.12 Model Konseptual	94
3	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	96
	3.1 Rekabentuk Kajian	96
	3.2 Kawasan Kajian	97
	3.3 Responden dan Persampelan	98



	3.4 Instrumen Kajian	105
	3.5 Pengumpulan Data	111
	3.6 Analisis Data	121
4	<b>HASIL KAJIAN KUANTITATIF DAN PERBINCANGAN</b>	133
	4.1 Profil Pusat Serenti Bachok, Kelantan	133
	4.2 Profil Sejarah Responden Dan Keluarga	136
	4.3 Profil Status Responden Terkini	143
	4.4 Profil Penagihan Dadah Responden	156
	4.5 Profil Pasangan Lelaki	168
	4.6 Personaliti Umum Responden	181
	4.7 Personaliti Responden Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya	184
	4.8 Personaliti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya Berdasarkan Ciri Pasangan lelaki	189
5	<b>HASIL KAJIAN KUALITATIF DAN PERBINCANGAN</b>	200
	5.1 Faktor Di Mana (Tempat Yang Sesuai Untuk Mencuba Dadah)	200
	5.2 Faktor Bila (Masa Yang Sesuai Untuk Mencuba Dadah)	205
	5.3 Faktor Apa (Jenis Dadah Yang Digunakan)	211
	5.4 Faktor Bagaimana (Dadah Diperolehi Responden)	215
6	<b>SILANG ANALISA DI ANTARA HASIL DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF DENGAN HASIL KAJIAN KUALITATIF DAN PERBINCANGAN</b>	224
	6.1 Personaliti Umum Wanita Penagih	225
	6.2 Personaliti Majoriti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya.	240
	6.3 Pasangan Lelaki Seorang Penagih Sebelum Wanita Mencuba Dadah	258
7	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	272
	7.1 Ringkasan Kajian	272
	7.2 Ringkasan Dapatan Kajian	273
	7.3 Kesimpulan	276
	7.4 Implikasi Kajian	276
	7.5 Cadangan	282
	<b>RUJUKAN</b>	287
	<b>LAMPIRAN</b>	307
	<b>BIODATA PENULIS</b>	320

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Statistik Penagih Dadah Yang Dikesan Mengikut Tahun Dan Jantina, 1989 - 2002	4
2	Statistik Bulanan Penagih Dadah Wanita Yang Dikesan, 2003 dan Januari - Jun 2004	4
3	Nilai Z Skor dan Interpretasi Personaliti Umum	123
4	Pecahan Penghuni Mengikut Kaum	135
5	Bilangan Kes Mengikut Negeri	135
6	Jenis-Jenis Dadah Yang Direkodkan Ditagih Oleh Penghuni	136
7	Profil Responden Berdasarkan Umur Kini	137
8	Profil Responden Berdasarkan Negeri Kelahiran Dan Kediaman Asal	141
9	Status Lelaki Yang Bertanggungjawab Menawarkan Dadah Kepada Responden Berdasarkan Taraf Perkahwinan Mereka	144
10	Taraf Perkahwinan Kini Responden Berdasarkan Bilangan Anak	145
11	Pendapatan Bapa Berdasarkan Kaum	151
12	Pendapatan Ibu Berdasarkan Kaum	153
13	Profil Responden Berdasarkan Umur Pertama Kali Dikesan Menagih Dadah	157
14	Profil Responden Berdasarkan Pekerjaan dan Pendapatan Mereka	165
15	Pekerjaan Pasangan Berdasarkan Bangsa Responden	172
16	Status Pasangan Berdasarkan Pendapatan	174
17	Profil Pasangan Responden Berdasarkan Pekerjaan dan Pendapatan Mereka	175



18	Nilai Z-skor Dan Interpretasi Bagi Menunjukkan Tahap Personaliti Umum Responden	182
19	Nilai Kuasa Yang Menunjukkan Interpretasi Terhadap Personaliti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya	185
20	Perbandingan Perubahan Personaliti Daripada Personaliti Umum Kepada Personaliti Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya	188
21	Personaliti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya Berdasarkan Status Pasangan	190
22	Personaliti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya Berdasarkan Penawaran Dadah Oleh Pasangan	192
23	Personaliti Wanita Apabila Berhadapan Dengan Lelaki Yang Ada Hubungan Intim Dengannya Berdasarkan Penagihan Dadah Oleh Pasangan	195



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Model 'Circumplex' Vitkus	37
2 Model Konseptual	94





## SENARAI CARTA

<b>Carta</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Tahap Pendidikan Tertinggi Responden	138
2	Pecahan Responden Mengikut Kaum Dan Agama	139
3	Pecahan Responden Mengikut Hubungan Ibubapa Mereka	146
4	Profil Responden Mengikut Hubungan Ibubapa dan Kediaman Asal	148
5	Kedudukan Pendapatan Bapa Responden	152
6	Kedudukan Pendapatan Ibu Responden	155
7	Jenis-jenis Dadah Yang Ditagih Responden Sebelum Dimasukkan Ke Pusat Serenti	158
8	Jenis-jenis Dadah Yang Pertama Dicuba Oleh Responden	160
9	Tempoh Responden Terlibat Dengan Penagihan Dadah	161
10	Lokasi Di mana Responden Dikesan Sebelum Ditangkap Pihak Berkuasa	162
11	Jenis Individu yang Menetap Bersama Sebelum Dikesan	164
12	Profil Responden Mengikut Kaum dan Pekerjaan	167
13	Status Pasangan Lelaki	169
14	Status Pasangan Lelaki Mengikut Kaum	170
15	Pengambilan Dadah Oleh Pasangan Lelaki Responden	176
16	Penawaran Dadah Oleh Pasangan Lelaki Responden	178
17	Penawaran Dadah Oleh Pasangan Lelaki Responden Mengikut Kaum	179



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Bab ini mengandungi penerangan berkaitan pengenalan kepada kajian yang dilaksanakan, latar belakang penyelidikan ini, pernyataan masalah, soalan-soalan penyelidikan yang ingin dijawab, objektif kajian serta kepentingannya, skop dalam melaksanakan kajian ini, beberapa limitasi kajian serta definisi konsep dan operasional.

“Pemuda tiang negara, pemudi harapan bangsa” merupakan pepatah yang menggambarkan kaum lelaki dan wanita mempunyai peranan dalam pembangunan dan keselamatan negara. Menurut pandangan Vogel, (2003) masing-masing mempunyai fungsi sosial yang perlu dilaksana demi memastikan masyarakat Malaysia tidak ketinggalan daripada arus globalisasi. Sungguhpun demikian, kemajuan dan pemodenan juga mengheret masalah sosial bersamanya. Antara masalah sosial yang paling rumit dihadapi sekarang adalah masalah dadah (Dzulkifli Abdul Razak, 2004).

Masalah dadah adalah satu fenomena global (*Colombo Plan*, 2000). Ia tidak mengenal jantina seperti pandangan yang diberikan Grunberg dan Klein (1998). Perkembangan terkini memperlihatkan semakin ramai golongan wanita terlibat dengan dadah. Antara punca seseorang terlibat dengan dadah adalah faktor pengaruh kawan, ingin tahu (Agensi Dadah Kebangsaan, 1997), masalah keluarga



(Kumpher dan Alvarado, 1995), persepsi terhadap kesan dadah (Rosenbaum, 1979) dan faktor genetik (Wyman, 1997). Namun, khusus bagi wanita, sebab yang sering dikaitkan dengan percubaan pertama dengan dadah adalah kerana wujudnya hubungan intim dengan lelaki yang signifikan dalam hidupnya (Alegria et. al, 1988; Rosenbaum, 1979).

Oleh yang demikian, penyelidikan ini akan meneliti bagaimana pengaruh daripada hubungan interpersonal intim dengan lelaki menyebabkan wanita membuat keputusan memulakan tindakan mencuba dadah.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Masalah dadah adalah satu fenomena sejagat dan memberi kesan negatif baik dari segi ekonomi mahupun sosial ke atas negara membangun dan negara maju (*Colombo Plan*, 2000). Sehingga kini, isu dadah masih hangat diperkatakan dan dibincangkan di forum antarabangsa bagi menemukan titik penyelesaiannya. Persidangan dan perbincangan seperti Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah dan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Dadah diadakan pada setiap tahun bagi membincangkan berkaitan isu dadah sedunia. Badan-badan antarabangsa seperti Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah Narkotik (UNCND) dan Program Mengawal Dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu juga ditubuhkan bagi menyelaras aktiviti-aktiviti mengawal dadah dan meningkatkan kecekapan struktur Bangsa-Bangsa

Bersatu dalam memastikan peruntukan-peruntukan Konvensyen-Konvensyen berkaitan dengan dadah dipatuhi (Agensi Dadah Kebangsaan, 1997).

Walaupun banyak usaha dan tindakan telah diambil bagi menghapuskan gejala dadah ini, namun masalah dadah, khususnya penagihan masih lagi meningkat dari masa ke semasa. Bilangan penagih dadah di Amerika misalnya, dilaporkan meningkat daripada 14.5 juta orang pada tahun 2000 kepada 16.6 juta orang pada tahun 2001 (Narconon, 2002).

Di Malaysia, masalah dadah dianggap sebagai masalah keselamatan dan diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara (Agensi Dadah Kebangsaan, 1997). Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) mencatatkan bilangan penagih dikesan seramai 223,123 orang bermula pada tahun 1988 sehingga tahun 2001. Daripada jumlah tersebut, anggaran 10% daripadanya adalah penagih wanita (Laporan Tahunan Agensi dadah Kebangsaan, 2001). Sila rujuk Jadual 1 dan 2. Alegria et. al (1988), menyatakan bahawa masalah penggunaan dadah di kalangan wanita meningkat dengan lebih drastik jika dibandingkan dengan peningkatan penagihan di kalangan lelaki. Jika pun fokus mengenai penagihan di kalangan lelaki adalah lebih ditekankan, perhatian juga perlu diberikan kepada hakikat bahawa akan sentiasa ada wanita di sisi mereka seperti seorang ibu, isteri atau kekasih (Bennet, 1997) mahupun anak perempuan seperti menurut Straton, (2004).

**Jadual 1: Statistik Penagih Dadah Yang Dikesan Mengikut Tahun Dan Jantina, 1989 - 2002**

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan</b>		
	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Jumlah</b>
1989	19752	366	20118
1994	28417	339	28756
1995	33710	394	34104
1996	30201	397	30598
1997	35904	380	36284
1998	37116	472	37588
1999	34827	532	35359
2000	30084	509	30593
2001	31024	532	31556
2002	32577	561	33138

*Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia*

**Jadual 2: Statistik Bulanan Penagih Dadah Wanita Yang Dikesan, 2003 Dan Januari - Jun 2004**

<b>2003</b>	<b>Penagih Baru</b>	<b>Penagih Berulang</b>	<b>Jumlah</b>
Januari	51	24	75
Februari	31	34	65
Mac	47	39	86
April	104	67	171
Mei	127	219	346
Jun	132	93	225
Julai	202	118	320
Ogos	265	123	388
September	278	130	408
Oktober	298	92	390
November	327	157	484
Disember	395	184	579
<b>Jumlah</b>	<b>2257</b>	<b>1280</b>	<b>3537</b>
<b>2004</b>	<b>Penagih Baru</b>	<b>Penagih Berulang</b>	<b>Jumlah</b>
Januari	59	8	67
Februari	87	21	108
Mac	106	33	139
April	166	60	226
Mei	405	101	506
Jun	247	114	361
<b>Jumlah</b>	<b>1070</b>	<b>337</b>	<b>1407</b>

*Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia*

Walaupun senario masalah penagihan dadah di negara ini menunjukkan jumlah penagihan dadah di kalangan wanita yang kurang berbanding dengan jumlah bilangan penagih lelaki, namun masalah wanita dan dadah tidak boleh dipinggirkan (Navaratnam et. al 1992). Ini adalah kerana gejala penagihan dadah di kalangan golongan wanita menyebabkan berlaku juga fenomena keruntuhan moral (Wong et.al 1988 dan Navaratnam et. al 1992 ). Masalah dadah juga boleh menyumbang kepada kejadian jenayah (Kleinman dan Lukoff, 1978; Nyamathi dan Vasquez, 1988; Rosenbaum, 1979).

Menyedari tentang wujudnya masalah dadah di kalangan wanita serta kesannya yang membimbangkan, Kerajaan telah membina sebuah Pusat Serenti khas menempatkan golongan wanita sahaja. Pusat Serenti yang dahulunya terletak di Kemumin, dipindahkan ke Bachok pada tahun 2004 untuk menampung lebih ramai penagih wanita baru dari seluruh Malaysia.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Wanita memainkan peranan yang penting dalam famili, komuniti dan negaranya (Davis, 2000; Orton, Barrientos dan Macclenaghan, 2001; Thapan, 2001). Kehadiran wanita dalam konteks peranannya dalam masyarakat adalah sangat diperlukan (Siti Hasmah Hj. Mohd Ali, 2003). Kewujudan wanita penting dalam memastikan sistem famili sebagai institusi sosial dapat berfungsi dengan caranya demi membolehkan setiap komuniti itu kekal wujud (Poplin, 1979 dan Murrell, 1973). Di negara ini, Kerajaan mengiktiraf wanita sebagai salah satu sumber

penting untuk pembangunan (Sabitha Merican, 1997). Justeru, adalah wajar perkara seperti sifat, keperluan istimewa, nilai dan kehormatan wanita dipelihara (Dasar Wanita Negara, 2004).

Walaupun bagaimanapun, penglibatan wanita di dalam kancuh dadah merupakan antara perkara yang mencabar hasrat dan usaha murni Kerajaan. Lebih-lebih lagi rekod menunjukkan bahawa bilangan ahli komuniti terpinggir ini di Malaysia saban tahun semakin ramai (sila rujuk Jadual 1 dan 2). Ponce, (2002) memberi istilah komuniti terpinggir ini sebagai komuniti marginal. Manakala Eldred, C. (1975) telah lama mengenali mereka sebagai '*The Forgotten Minority*'.

Kesan penglibatan wanita dengan dadah adalah membimbangkan. Apabila wanita mengguna dadah, mereka mempunyai risiko yang tinggi untuk terus bergantung kepada dadah (Kandel, et. al 1998). Selain daripada itu, kos sosial yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat menjadi bertambah rancam jika bilangan penagih wanita menjadi semakin ramai. Ini disebabkan kebanyakan daripada penagih wanita menagih pada tahap umur subur untuk melahirkan anak (Navaratnam et. al 1992 dan Kandall, 1998). Justeru, penagihan mereka bukan sahaja merosakkan masa depan golongan wanita sendiri tetapi juga generasi akan datang (Navaratnam et al, 1992).

Sehubungan dengan ini, penggunaan dadah di kalangan wanita mengandung mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami keguguran mahupun kecacatan

pada anak yang baru lahir (Kandall, 1998). Golongan wanita yang sudah berkahwin yang terlibat dengan penagihan juga sering dikaitkan dengan masalah keganasan rumahtangga (Miller, 1990; Roslee Abbas, 1999), keruntuhan keluarga dan cerai-berai (Wong et al 1988 dan Navaratnam et al. 1992) serta masalah penjagaan anak (Wallace, 1991). Penggunaan dadah di kalangan wanita turut menjurus kepada aktiviti jenayah seperti penjualan dadah (Kleinman dan Lukoff, 1978), pencurian (Nyamathi dan Vasquez, 1988; Rosenbaum, 1979) dan pelacuran (Inciardi 1989, Moore 1982). Penggunaan dadah menerusi jarum suntikan sama ada bukan mahupun untuk tujuan pelacuran, mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan penyakit HIV AIDS seperti yang dibuktikan di dalam kajian Sibthorpe et.al., (1991), Pulerwitz, (2000).

Sebelum ini terdapat ramai penyelidik tempatan yang membuat kajian mengenai dadah di negara ini. Penyelidik-penyelidik tersebut termasuklah Abdullah Al Hadi dan Muhammad Nasir (1997), Mahmood Nazar et al. (1999), Navaratnam (1992) serta Dzulkifli Razak (2004). Namun pendekatan melihat permasalahan dadah dengan memfokus kepada golongan wanita di Malaysia adalah sangat kurang sekali baik dari segi kajian *cross sectional* mahupun *longitudinal*. Walaupun ada segelintir penyelidik seperti Mohd Nawan Hj. Hamzah, (1991) Ahmad Termazi Musa, (1991) dan Rosland Hussein, (2002) yang menghasilkan kajian berkaitan wanita dan dadah, namun kupasannya agak kurang jelas malah analisis yang digunakan menjadikan hasilnya kurang analitikal. Keadaan ini boleh menyebabkan isu wanita dan masalah dadah di negara ini kurang difahami serta



ditafsir sebagai sama sahaja dengan isu masalah dadah di kalangan golongan lelaki seperti menurut Bennet, (1997).

Di dalam membincangkan isu sebab mula menagih di kalangan wanita, Mohd Nawan Hj. Hamzah (1991) contohnya, menyebut berkaitan faktor ingin tahu, kekecewaan kerana keluarga, serta tiada pengetahuan sebagai sebab yang mempengaruhi wanita untuk mencuba dadah. Di dalam kajian lain, Ahmad Termazi Hj. Musa (1991) menyentuh berkaitan beberapa faktor yang didapati menyebabkan wanita melibatkan diri dengan dadah. Faktor-faktor tersebut adalah pengaruh rakan sebaya, pengaruh orang yang signifikan dengan wanita, kekecewaan, peluang, aktiviti sosial yang diceburi dan faktor keluarga. Tidak terdapat satu faktor yang diperjelas secara terperinci berkaitan sebab wanita mula mengambil keputusan untuk menagih.

Jika dibandingkan dengan hasil kajian-kajian tempatan yang melihat sebab punca penagihan bagi kelompok penagih yang berbeza seperti belia dan golongan lelaki (Mahmood Nazar et. al, 1999; Abdullah Al Hadi Hj Muhamed dan Iran Herman, 1997, Abdullah Al Hadi Hj. Muhamed dan Mohd Nasir Mohd Taib, 1989), kajian punca penagihan dadah di kalangan wanita menunjukkan satu faktor yang signifikan. Faktor tersebut adalah hubungan yang kuat antara diri wanita dengan golongan lelaki yang mempunyai hubungan intim dengannya (Wong et al 1988, Alegria et.al. 1998). Di negara ini, persoalan mengapa fenomena ini berlaku tidak pernah dijadikan fokus atau dilihat secara mendalam.